



30 Disember 2015
30 December 2015
P.U. (A) 318

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN KE ATAS TERBITAN SUKUK) 2015

INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENDITURE ON ISSUANCE OF SUKUK) RULES 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN KE ATAS TERBITAN SUKUK) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan ke atas Terbitan Sukuk) 2015.**

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2016 hingga tahun taksiran 2018.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“syarikat” ertinya suatu syarikat yang bermastautin di Malaysia dan—

(a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*]; atau

(b) diperbadankan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 [*Akta 441*];

“sukuk” ertinya—

(a) sukuk yang distruktur menurut prinsip *Ijarah*; atau

(b) sukuk yang distruktur menurut prinsip *Wakalah*, yang terdiri daripada komponen gabungan aset dan hutang.